

# **Lebih ramai belia digalak sertai bidang keusahawanan, cipta peluang kerjaya**

UB 11.11.2019 &  
**KOTASAMARAHAN:** Lebih ramai belia negara digalak menyertai bidang keusahawanan dan menjadi pencipta kepada lebih banyak peluang kerjaya bagi lebih ramai masyarakat di Malaysia.

Demikian ujar Ahli Perbadanan SME Corporation (SME Corp) Malaysia Awang Habirburlah Awang Ismail selaras dengan seruan kerajaan menerusi penggubalan Dasar Keusahawanan Negara (DKN) 2030.

“DKN dapat meningkatkan bilangan usahawan yang lebih berkualiti serta mempunyai pemikiran global dan kompetitif melalui pemerkasaaan keusahawanan dalam kalangan belia sama ada Bumiputera, wanita, golongan B40 atau OKU.

“Bidang perniagaan bukan sahaja untuk membantu diri sendiri tetapi juga membantu masyarakat dan komuniti lainnya.

“Berdasarkan statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia 2018, belia merangkumi 38 peratus (12 juta) daripada keseluruhan populasi,” katanya ketika merasmikan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0.

Jelas beliau lagi, jika 400,000 orang ini ditambah bilangannya daripada dua tahun terdahulu menjadikan ia 1.2 juta orang dan lihat mereka ini merupakan pesaing anda dalam dunia keusahawanan nanti.

Ekosistem keusahawanan belia banyak membantu menyediakan peluang pekerjaan dan purata nisbah seorang usahawan akan menyediakan satu peluang pekerjaan.

Seorang usahawan tegasnya, hendaklah berani mengambil risiko dan idea jangan disimpan kerana ia akan diambil orang lain dan mereka akan menjadi lebih maju.

“Bagi Sarawak, ia telah menjana nilai jualan terkumpul sebanyak RM7.53 juta dan jumlah pekerjaan sebanyak 868 peluang pekerjaan.

“Sebagai seorang usahawan juga, kita mesti melihat sesuatu daripada sudut berlainan daripada biasa dan laksanakan ia dengan fokus agar dapat kekal dalam dunia perniagaan dan bijak mengendalikan tekanan hidup,” ujarinya.

Pada tahun ini, sejumlah 500 belia mengikuti latihan keusahawanan secara serentak di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kem Sintok, Universiti Utara Malaysia (UUM) Kedah, Kem Semarak, Pekan, Pahang, Kem PALAPES Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kem Eco Millenium, Beranang, Selangor.